

Potensi Dialog dalam Memperkasa Agenda ‘Keluarga Malaysia’: Satu Analisis

*(The Potential of Dialogue in Empowering the ‘Malaysian Family’
Agenda: An Analysis)*

Enizahura Abdul Aziz^{1*}

¹ Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

*Pengarang Koresponden: enizahura@ikim.gov.my

Accepted: 15 February 2022 | Published: 1 March 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpg.2022.4.1.5>

Abstrak: *Dialog merupakan satu bentuk interaksi positif dan harmoni di antara dua pihak atau lebih bagi mencapai persefahaman terhadap sesuatu isu atau topik. Dialog juga merupakan satu proses untuk belajar mengenai perbezaan dalam masyarakat dengan rasa hormat. Konsep Keluarga Malaysia seperti yang digagaskan oleh Perdana Menteri telah menjadi satu kerangka kepada pembinaan negara terutamanya ketika pandemik di mana pendekatan seperti dialog diperlukan sebagai mekanisme interaksi masyarakat pelbagai kaum, budaya dan agama. Dinamika yang terdapat pada dialog menjadikan ia kaedah interaksi paling konstruktif dan berkesan. Dialog mampu menjadi jambatan dalam membina persefahaman dan nilai kebersamaan. Abdelaziz Berghout (2008) menyifatkan dialog sebagai satu usaha memantapkan kesedaran seseorang. Ia melibatkan satu proses dialektikal yang boleh merubah sikap penolakan kepada sikap penerimaan atas semangat perkongsian bersama, sikap saling hormat menghormati dan ikhlas berinteraksi secara positif. Penulisan ini menganalisis potensi aktiviti dialog yang akan dapat membantu masyarakat mencari penyelesaian kepada sesuatu isu atau konflik melalui pemahaman nilai dalam agama dan budaya masing-masing yang akan dapat membawa kepada keamanan dan keharmonian. Hal ini adalah selari dengan matlamat konsep ‘Keluarga Malaysia’ yang bersifat inklusif merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum serta menyatupadukan masyarakat pelbagai bangsa dan agama di Malaysia.*

Kata Kunci: Keluarga Malaysia, dialog, perpaduan, interaksi, keharmonian, kepelbagaian masyarakat

Abstract: *Dialogue is a form of positive interaction and harmony between two or more parties to reach an understanding of an issue or topic. Dialogue is also a process of learning about differences in society with respect. The concept of the Malaysian Family as conceived by the Prime Minister has become a framework for nation building especially during pandemics where approaches such as dialogue are needed as a mechanism for interaction of multi-racial, multi-cultural and multi-religious communities. The dynamics found in dialogue make it the most constructive and effective method of interaction. Dialogue can be a bridge in building understanding and values of togetherness. Abdelaziz Berghout (2008) describes dialogue as an effort to mature one’s consciousness. It involves a dialectical process that can change the attitude of rejection to an attitude of acceptance over the spirit of mutual sharing, mutual respect and sincerity of positive interaction. This paper analyzes the potential of dialogue activities that will be able to help the community find a solution to an issue or conflict through*

an understanding of values in their respective religions and cultures that will be able to lead to peace and harmony. This is in line with the goal of the 'Malaysian Family' concept which is inclusive across religious, racial and ethnic boundaries as well as uniting the multi-racial and multi-religious community in Malaysia.

Keywords: Malaysian family, dialogue, unity, interaction, harmony, community diversity

1. Latar Belakang Masyarakat Malaysia

Masyarakat majmuk merupakan satu realiti semasa Malaysia. Kepelbagaian dalam aspek budaya, bangsa dan agama menjadi satu aset penting yang perlu dipertahankan oleh semua lapisan masyarakat. Perpaduan nasional yang menjadi matlamat utama negara harus dipastikan terus diberi perhatian yang sewajarnya oleh kepimpinan negara. Dari aspek demografi, statistik terkini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai penduduk yang dianggarkan berjumlah 32.677 juta orang¹. Data rasmi berdasarkan bancian penduduk kebangsaan yang dijalankan pada tahun 2010 pula menunjukkan bahawa dari 28.588 juta penduduk negara ini pada 2010, 67.4% adalah dari kelompok etnik Bumiputera², 24.6% adalah kaum Cina, Kaum India merangkumi 7.3% dan 0.7% adalah dari kategori lain-lain³. Dari aspek kelompok penganut agama pula, 61.3% atau 17.3758 juta penduduk Malaysia adalah beragama Islam, 19.8% (5.621 juta) adalah beragama Buddha, 9.2% (2.617 juta) adalah penganut agama Kristian, 6.3% (1.8 juta) merupakan penganut agama Hindu manakala 1.3% (0.357 juta) adalah terdiri daripada pengikut ajaran konfusianisme, tao dan agama tradisi lain bagi kaum Cina⁴.

Hubungkait yang unik di antara bangsa dan agama juga perlu diambil kira dalam memahami kerencaman masyarakat majmuk di Malaysia. Dalam konteks ini, majoriti penganut agama Islam merupakan masyarakat Melayu, majoriti penganut agama Buddha adalah berbangsa Cina manakala majoriti penganut agama Hindu adalah dalam kalangan masyarakat India. Mengambil kira aspek kepelbagaian masyarakat Malaysia yang dinamik ini, perhatian harus diberikan sewajarnya kepada usaha-usaha membina perpaduan dan integrasi dalam kalangan rakyat.

2. Realiti Hubungan Masyarakat Majmuk Malaysia

Kemajmukan masyarakat di Malaysia lahir dari hasil sejarah yang unik dan tersendiri. Perubahan demografi yang berlaku bermula zaman Kesultanan Melayu Melaka melalui pengantarabangsaan pelabuhannya sehingga ke zaman penjajahan Empayar British telah mewujudkan satu bentuk masyarakat majmuk yang sangat unik bagi Malaysia. Keunikan ini boleh menjadi satu kelebihan bagi negara atau satu cabaran berpanjangan jika tidak diurus dengan baik dan secara berhemah oleh kepimpinan negara. Dasar pecah dan perintah yang menjadi kerangka pentadbiran dan dasar oleh kerajaan British di kebanyakan negara yang dijajahnya telah meninggalkan kesan kepada struktur sosial, ekonomi dan politik masyarakat termasuk di Semenanjung Tanah Melayu. Perbezaan dari aspek pekerjaan yang kemudiannya melebarkan jurang ekonomi antara kaum, pemisahan tempat tinggal dan pengasingan sistem

¹ <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php>

² Bumiputera adalah terma yang digunakan dalam menggubal atau melaksanakan dasar kerajaan yang merujuk kepada kaum Melayu, kaum etnik peribumi di Sabah dan Sarawak dan Orang Asli

³ Jabatan Perangkaan Malaysia, Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010, (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011), 5.

⁴ Ibid, 82.

pendidikan menjadi cabaran utama kepada pencapaian matlamat perpaduan terutamanya selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957.

Realitinya, hubungan antara masyarakat pelbagai agama dan budaya di Malaysia sentiasa diuji dari masa ke semasa. Peristiwa 13 Mei 1969 yang merupakan antara kemuncak kepada keadaan hubungan ini menjadikan ia satu pengajaran penting kepada keseluruhan rakyat Malaysia dan Kerajaan. Beberapa peristiwa selepasnya seperti pergaduhan di Kampung Medan, Petaling Jaya pada 2001, perlakuan jenayah dengan mencemari kesucian rumah ibadah serta penghinaan terhadap agama menjadikan satu keutamaan untuk mencari jalan damai bagi menyantuni perbezaan budaya, bangsa dan agama dalam masyarakat. Keharmonian dan keamanan hidup bersama harus menjadi kondisi penting bagi hubungan masyarakat majmuk di Malaysia dalam merealisasikan agenda perpaduan negara.

Dalam berhadapan dengan kepelbagaian masyarakat ini, adalah menjadi satu keperluan untuk sentiasa memastikan suhu hubungan antara kaum, agama dan budaya sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Shamsul Amri (2017) menggunakan istilah *stable tension* atau ‘stabil tapi tegang’ untuk menggambarkan keadaan hubungan masyarakat Majmuk di Malaysia. Keadaan ini merujuk kepada kewujudan pelbagai cabaran yang menguji ketahanan kesepaduan sosial yang dibentuk oleh rakyat sejak zaman merdeka lagi. Transformasi dari keadaan *stable tension* ke *cohesion in diversity* atau kesepaduan dalam kepelbagaian seperti yang dijelaskan memerlukan semua pihak memainkan peranan dan menyumbang dalam menjayakan usaha. Perpaduan di Malaysia pada hemat beliau masih lagi merupakan satu ‘*work in progress*’.

Kemakmuran dan kemajuan yang ingin dikecapi oleh negara tidak boleh membelakangkan banyak realiti lain tentang Malaysia yang perlu juga dibangunkan secara seiring dengan pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara. Kekuatan dan kelangsungan sesuatu tamadun terletak secara jelas di atas kualiti insan dalam masyarakat yang menjadi tiang utama pembinaan Tamadun Malaysia. Interaksi antara kaum dan penganut agama harus diperkasakan supaya hubungan rakyat menjadi kukuh, harmoni dan dapat membentengi sebarang cabaran yang berupaya memecah belahkan masyarakat. Sehubungan dengan itu, dialog antara budaya dan agama perlu diurus perdanakan kerana mekanisme ini meletakkan ilmu dan nilai di posisi yang sewajarnya menerusi pertemuan hati dan pemikiran.

3. Gagasan Aspirasi Keluarga Malaysia dan Kepelbagaian Masyarakat di Malaysia

Gagasan Keluarga Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 22 Ogos 2021 sebagai satu agenda pembinaan negara terutamanya bagi menghadapi fasa pandemik dan pasca pandemik Covid-19. Ia menggariskan satu agenda komprehensif yang bersifat jangka panjang berdasarkan ciri-ciri dan nilai seperti keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran. Di antara tumpuan gagasan ini adalah untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum, budaya dan agama di bawah satu naungan agar perbezaan ini dapat diurus dengan sebaiknya bagi mencapai keharmonian dan keamanan di dalam masyarakat. Aspirasi Keluarga Malaysia menggariskan tiga bidang tumpuan utama iaitu memulih semula dan merapatkan jurang ekonomi, menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia di bawah naungan Keluarga Malaysia dan mengetepikan perbezaan politik untuk mencapai kestabilan⁵.

⁵ <https://www.pmo.gov.my/keluarga-malaysia-2/>

Namun begitu, sebagai sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan budaya, Malaysia sememangnya sentiasa berhadapan dengan isu-isu sensitif yang boleh menggugat ketenteraman dan keharmonian. Isu-isu ini selalunya menyentuh soal-soal perbezaan kefahaman mengenai agama, budaya dan kaum. Justeru, perbezaan dan kepelbagaian dari segi agama, etnik, budaya termasuk politik perlu ditangani dan diuruskan sebaik mungkin untuk mengelakkan terdapatnya sebarang perkara yang tidak diinginkan. Cabaran-cabaran ini, jika tidak diatasi dengan baik dan berhemah, akan menjadi halangan kepada proses pembinaan keharmonian dan perpaduan rakyat dalam negara ini serta merencatkan agenda pembangunan negara. Aspek keharmonian dan kebersamaan ini penting dalam menyediakan keadaan yang kondusif bagi negara untuk memenuhi aspirasi pembangunan yang dirangka menerusi Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Aspirasi Keluarga Malaysia memerlukan kesungguhan dan kehendak politik (*political will*) yang sebenar-benarnya. Ia adalah mengenai kesepaduan dan keikhlasan dalam kalangan pemimpin dan rakyat Malaysia secara keseluruhan terhadap perubahan-perubahan yang perlu untuk dilakukan agar Malaysia mampu maju ke hadapan sebagai sebuah negara yang berdaulat dan makmur tanpa dihambat oleh perbezaan dan perpecahan.

4. Dialog: Konsep dan Prinsip

Adalah menjadi satu lumrah, dalam interaksi seharian masyarakat majmuk Malaysia, akan terdapat isu-isu yang akan timbul akibat dari perbezaan dan kepelbagaian ini. Dalam usaha memahami pandangan mereka yang berlainan budaya, bangsa dan agama tentang satu-satu perkara, dialog merupakan mekanisme penting bagi merapatkan jurang perbezaan dan membina persefahaman dalam kalangan kelompok yang berbeza ini. Pendekatan dialog dapat menjadi platform penting dalam menyelesaikan atau menghindari sebarang konflik yang mungkin timbul.

Dari sudut etimologi, dialog berasal dari gabungan perkataan Greek 'dia' yang bermaksud 'melalui apa yang diperkatakan' dan 'logos' yang bermaksud 'mengeluarkan sesuatu yang tersorok atau tersirat'. Leonard J. Swidler, mendefinisikan dialog sebagai perbincangan mengenai sesuatu perkara antara dua orang atau lebih yang berbeza pandangan. Tujuan utama perbincangan ini adalah supaya setiap pihak dapat mempelajari dari pihak lain agar mereka boleh berubah dan berkembang maju. Azizan Baharuddin (2008) menjelaskan bahawa Dialog ialah sebuah komunikasi dua hala antara individu (pihak) yang mempunyai pegangan atau pandangan yang berbeza mengenai sesuatu subjek atau perkara yang tertentu, dengan tujuan ingin mencapai kebenaran.

Idealisme dialog turut diperincikan oleh Azizan Baharuddin (2005) yang menekankan dialog sebagai satu perlakuan bicara dengan pihak yang mempunyai pemikiran yang berbeza daripada kita dan dilaksanakan dengan matlamat utama untuk belajar cara berfikir yang berlainan dan baru, suatu cara untuk melihat alam dan kehidupan serta maknanya. Dialog juga bukanlah debat dimana dalam perdebatan terdapat usaha untuk mengalahkan dan menundukkan orang lain. Dalam dialog, para pendialog perlu bersedia untuk mendengar dengan perasaan empati supaya dapat memahami kedudukan rakan dialog yang lain dengan lebih tepat. Dialog harus dilaksanakan dalam suasana yang harmoni dan bermoral dengan menuntut individu yang berdialog untuk mengatasi tanggapan negatif dan rendah diri serta bersifat jujur dan ikhlas.

Dialog antara penganut agama dan budaya juga boleh dijelaskan sebagai satu kerjasama dan interaksi positif antara kelompok berlainan tradisi agama, spiritual dan kepercayaan humanistik

di peringkat individu dan institusi. Matlamat dialog dalam konteks ini ini adalah bagi mencari landasan persefahaman dengan menekankan kepada persamaan nilai yang wujud di dalam agama, pemahaman terhadap nilai-nilai tersebut serta komitmen penganut agama terhadap kebaikan sejagat. Secara idealnya, melalui proses dialog, akan berlaku pertemuan hati dan pemikiran. Ia juga merupakan komunikasi antara mereka yang beragama di mana dialog dijadikan ruang untuk berbincang tentang persetujuan atau perbezaan pendapat dan pandangan.

Dalam memahami bagaimana dialog dapat menjadi satu mekanisme menguruskan masyarakat pelbagai agama dan budaya dalam konteks Malaysia, perlu dilihat prinsip-prinsip dialog yang menjadikannya sesuai sebagai satu mekanisme interaksi positif masyarakat majmuk di Malaysia. Swidler (2003) menjelaskan bahawa aktiviti dialog harus berpegang kepada prinsip-prinsip berikut:

- 1) Memahami bahawa matlamat utama dialog adalah untuk belajar dan melakukan perubahan jika perlu serta memperkayakan pengetahuan.
- 2) Dialog antara agama atau antara ideologi yang berbeza adalah usaha kedua belah pihak
- 3) Setiap peserta dialog haruslah mempunyai niat dan tujuan yang ikhlas serta beranggapan bahawa pihak yang lain juga mempunyai keikhlasan yang sama
- 4) Setiap peserta dialog haruslah tidak mempunyai prasangka terhadap perbezaan yang wujud
- 5) Dialog boleh dilakukan antara pihak yang mempunyai persamaan taraf dalam bidang ilmu dan posisi sosial
- 6) Dialog hanya boleh dilakukan atas dasar saling mempercayai.
- 7) Pihak yang berdialog haruslah bersikap menilai diri secara minimal dalam membuat interpretasi terhadap agama dan ideologi sendiri
- 8) Setiap peserta dialog haruslah cuba memahami perspektif agama, budaya atau ideologi rakan dialog dengan cuba meletakkan diri mereka di tempat rakan dialog.
- 9) Dalam berdialog, kita tidak boleh membandingkan apa yang ideal pada kita dengan apa yang dipraktikkan oleh rakan dialog, tetapi seharusnya dengan apa yang mereka katakan ideal bagi mereka.
- 10) Peserta dialog mesti jelas tentang siapa diri mereka yang sebenar.

Dialog harus dijadikan ruang untuk individu dalam masyarakat yang datang dari latar belakang budaya dan agama yang berbeza untuk berkongsi pandangan masing-masing. Ia merupakan satu ruang di mana para pendialog secara amnya dapat mendengar perspektif dan pengalaman orang lain yang berbeza dari mereka dan menyatakan perspektif sendiri mengenai perkara-perkara yang disepakati kepentingannya. Dialog mampu menjadi jambatan dalam membina persefahaman dan nilai kebersamaan. Abdelaziz Berghout (2008) menyifatkan dialog sebagai satu usaha mematangkan kesedaran seseorang. Ia melibatkan satu proses dialektikal yang boleh merubah sikap penolakan kepada sikap penerimaan atas semangat perkongsian bersama, sikap saling hormat menghormati dan ikhlas berinteraksi secara positif.

Menerusi dialog, pendialog perlu mempunyai fikiran yang terbuka dan menghormati prinsip bersetuju untuk tidak bersetuju. Ini akan dapat menghapus atau mengurangkan sikap prejudis yang menjadi halangan kepada usaha mencapai matlamat perpaduan dalam masyarakat. Aktiviti dialog akan dapat membantu manusia sejagat mencari penyelesaian kepada sesuatu isu atau konflik melalui pemahaman nilai dalam agama dan budaya masing-masing yang akan dapat membawa kepada keamanan dan keharmonian.

Lazimnya, sesuatu proses dialog itu akan melibatkan perkongsian pandangan antara dua pihak atau lebih dengan mempunyai unsur pertemuan, komunikasi, persepakatan, pemahaman,

perhubungan dan persefahaman secara kolektif. Dialog perlu mempunyai sifat yang dinamik dan dapat disesuaikan mengikut perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam masyarakat. Justeru, dialog boleh wujud dalam tiga bentuk:

1) Dialog dalam Kehidupan Sehari-hari

Rahimin Affandi Abd. Rahim et al. (2011) menjelaskan bahawa dialog sebegini berlaku apabila individu dalam masyarakat yang berbeza latar belakang budaya dan agama perlu menyesuaikan diri dan bertoleransi untuk hidup bersama dalam keadaan aman dan harmoni. Ini memerlukan mereka mengaplikasikan dialog dalam bentuk interaksi kehidupan bagi menyesuaikan diri dalam hidup berjiran, bergotong-royong dan sama-sama berkongsi perasaan sedih dan duka dalam masalah kemanusiaan. Dialog dalam bentuk ini paling kerap dikesan berlaku dalam kehidupan masyarakat Malaysia walaupun dilihat hanya bersifat luaran.

2) Dialog Mengenai Kehidupan (Dialogue of Life)

Dialog ini dijalankan melalui wacana intelektual. Ia boleh melibatkan dua pihak atau lebih bagi membincangkan isu-isu sejagat yang dihadapi oleh manusia secara keseluruhan dari sudut pandang atau perspektif budaya atau agama masing-masing. Dialog sebegini membincangkan isu-isu bersama seperti isu berkaitan alam sekitar, tanggungjawab sosial dalam masyarakat dari perspektif pelbagai agama dan budaya.

3) Dialog Teologi

Seperti dialog mengenai kehidupan, dialog teologi juga dijalankan dalam bentuk wacana intelektual. Dialog sebegini membincangkan aspek teologi dalam agama-agama masing-masing mengenai konsep keTuhanan dan asas-asas dalam agama. Dialog sebegini lebih sesuai dijalankan dalam kalangan pendialog yang mempunyai kefahaman yang mendalam dan ilmu yang berkaitan aspek teologi dalam agama dan selalunya bukan dijalankan dalam kalangan masyarakat umum.

5. Pendekatan Dialog dalam Memperkasa ‘Keluarga Malaysia’

Dialog kehidupan yang dijelaskan di atas berpotensi untuk dijadikan kerangka dialog sebagai mekanisme menguruskan perbezaan dalam masyarakat pelbagai agama dan budaya di Malaysia. Perubahan yang begitu pantas berlaku dalam persekitaran budaya menjadikan perbezaan dan kepelbagaian dalam masyarakat menjadi lebih rumit dan ini adalah satu bentuk keadaan yang tidak dapat dielakkan. Hari ini kita lihat bahawa ia terhasil menerusi migrasi rentas sempadan, kesan globalisasi terhadap budaya, kebergantungan antara negara dan perkembangan pesat media komunikasi dan maklumat. Jika tidak difahami dengan baik, kepelbagaian budaya juga boleh mengakibatkan keresahan dan penolakan dalam kalangan masyarakat. Ini akan membawa kepada sikap stereotaip, rasis, xenofobia, tidak bertoleransi, diskriminasi dan keganasan yang mampu mengancam keamanan dan asas kesepaduan dalam komuniti setempat.

Justeru, Kerajaan harus memainkan peranan proaktif dalam menjadikan dialog sebagai satu pendekatan penting bagi interaksi masyarakat majmuk di Malaysia. Ini boleh dilaksanakan dengan memperkenalkan dialog sebagai satu komponen khusus dalam kurikulum sistem pendidikan menengah dan pengajian tinggi di Malaysia. Mengetahui budaya kaum-kaum yang terdapat di Malaysia bukan hanya terhad kepada mengetahui pakaian kebudayaan dan sambutan perayaan sahaja, tetapi juga perlu memahami nilai sejagat yang dikongsi bersama agar mereka memahami perspektif dan peranan orang lain dalam isu-isu yang bersifat

universal. Ini akan menjadikan dialog melangkaui ruang perbincangan dan perkongsian sahaja tetapi juga berupaya menghasilkan tindakan dan jalan penyelesaian yang dipersetujui bersama.

Dialog juga perlu dibudayakan dalam masyarakat dengan menjadikan aktiviti dialog sebagai satu aktiviti berkala dalam komuniti. Pemimpin masyarakat disarankan menjalankan aktiviti dialog mengenai isu-isu setempat dan relevan dengan masyarakat agar persefahaman dapat dibentuk bagi menentukan tindakan yang diperlukan sebagai salah satu proses kelangsungan dialog. Dialog bukan hanya tamat di meja atau ruang bicara, ia harus juga berupaya menyelesaikan isu yang dihadapi bersama.

Dialog antara budaya dan agama juga adalah antara kaedah interaksi paling asas dan sudah lama wujud dalam amalan demokrasi dan mampu menawarkan penyelesaian kepada keganasan dan penolakan pihak ekstrim terhadap kepelbagaian. Objektif utama dialog adalah untuk membina persefahaman yang diperlukan untuk membolehkan masyarakat hidup bersama dalam keadaan aman dan konstruktif serta bergerak ke arah memupuk rasa kebersamaan dan kepunyaan. Dialog antara agama dan budaya juga akan dapat dijadikan alat untuk mengekang konflik yang mungkin berlaku dengan meningkatkan rasa hormat terhadap hak orang lain dan undang-undang sedia ada.

Dialog harus dilihat sebagai satu keperluan semasa bagi menangani salah faham yang timbul tentang sesuatu isu atau perkara. Ia harus dijadikan ruang untuk menerangkan pandangan atau perspektif supaya isu tersebut dapat difahami dengan lebih baik oleh banyak pihak. Cabaran utama dalam meneruskan usaha dialog dalam konteks Malaysia hari ini ialah apabila tiada persefahaman dalam kalangan masyarakat Malaysia sendiri tentang keperluan untuk berdialog.

Usaha dialog juga perlu diterajui oleh golongan yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam tentang agama dan juga tentang sesuatu isu yang menjadi fokus dialog. Sering kali aktiviti dialog tidak dapat mencapai matlamat sebenarnya kerana perkongsian yang diberikan oleh ahli dialog adalah bersifat minimal atau tidak melambangkan kefahaman mendalam tentang isu yang diperbincangkan dan berhujah dengan kerangka ilmu yang kabur dan salah.

Seperti ditegaskan, dialog bukannya bersifat seperti perbahasan atau debat. Dalam proses perdebatan, matlamat setiap pembahas adalah untuk mematikan hujah lawan agar hujahnya dilihat sebagai benar dan harus diterima. Ini tidak berlaku dalam dialog kerana tujuan dialog yang utama adalah untuk mempelajari dari pihak yang lain dan memahami perspektif mereka terhadap perkara yang didialogkan. Justeru, ketidak fahaman terhadap prinsip dan tujuan dialog akan menjadi satu cabaran yang perlu diatasi oleh mereka yang ingin berdialog.

6. Kesimpulan

Malaysia perlu dikenali bukan hanya sebagai sebuah negara yang makmur dari segi ekonomi dan pembangunan, malahan perlu menjadi sebuah negara yang beridentitikan kepelbagaian agama, bangsa dan budaya, namun dapat bersama dalam suasana yang aman dan hamoni. Perpaduan nasional harus terus menjadi satu misi penting bagi negara. Ia memerlukan satu kerangka bersifat komprehensif yang akan mampu menterjemahkan sebaik mungkin wajah kerencaman masyarakat majmuk Malaysia.

Keluarga Malaysia harus berupaya menjadi satu agenda kalis cabaran masa hadapan bagi negara. Kekuatan sesuatu perancangan atau pelan bagi negara perlu bersifat jangka panjang dan sedia dengan pelan kotigensi yang kukuh dalam berhadapan dengan sebarang

kemungkinan. Pandemi Covid-19 menjadi satu contoh terbaik bagaimana sesuatu pelan perancangan bagi negara harus mampan dan mempunyai ciri 'future-proof'.

Nilai-nilai seperti keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran yang dijadikan asas kepada aspirasi Keluarga Malaysia ini perlu digarap berpandukan Perlembagaan Malaysia sebagai kerangka penting dalam mendukung matlamat perpaduan masyarakat dalam konteks Malaysia. Selain daripada melihat sifat Islam itu sebagai rahmatan lil 'ālamīn iaitu rahmah bagi keseluruhan alam, ciri Islam sebagai agama yang bersifat sejagat sebenarnya amat penting dalam mendepani agenda dialog sebagai wadah menguruskan perbezaan dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Mekanisme dialog dapat membantu membentuk rasa kebersamaan dalam Masyarakat serta memupuk rasa cintakan keharmonian dan keamanan perlu ada bagi merealisasikan matlamat perpaduan negara. Kesepaduan dalam kalangan majoriti rakyat Malaysia yang kita lihat hari ini sebenarnya lahir dari semangat penerimaan dan rasa hormat yang tinggi antara kaum dan agama. Justeru, keutamaan harus diberi kepada usaha-usaha membina persefahaman, toleransi dan keharmonian dalam kalangan masyarakat secara keseluruhan. Sebagai satu bentuk interaksi, dialog mempunyai potensi untuk menjadikan aspirasi Keluarga Malaysia lebih bersifat mampan dan mampu berhadapan dengan cabaran yang mendatang.

Rujukan

- Abdelaziz Berghout. (2008). Meeting Challenges of Dialogue: Need for Civilisation and Cultural Transformation dalam Thomas W. Simon and Azizan Baharuddin, *Dialogue of Civilizations and the Construction of Peace*. Kuala Lumpur: Centre for Civilizational Dialogue, Universiti of Malaya, 140-172.
- Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan. (2007). Yayasan Restu.
- Baharudin, A. (2017). Peranan Dialog Peradaban di dalam Wacana" Tamadun Malaysia". *Jurnal peradaban*, 1, 25-41.
- Azizan Baharuddin et al. (2005). *Inter-Religious Dialogue in Malaysia*. Kuala Lumpur: Centre for Civilizational Dialogue, Universiti of Malaya
- Azizan Baharudin. (2005). *Islam dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*. Kuala Lumpur: Centre for Civilizational Dialogue, Universiti of Malaya
- Enizahura Abdul Aziz (Ed.) (2015). *Dialog Antara Penganut Agama: Panduan dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali et al. (Eds) (2008). *Isu dan cabaran Hubungan antara Agama di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali. (2012). *Dialog Antara Agama Di Malaysia: Isu Pendekatan dan Etika*. Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Dialog Antara Agama. Bangi: Penerbit UKM.
- Leonard Swidler. (2003). *Dialogue in Malaysia and the Global Scenario*. Siri Monograf Pusat Dialog Peradaban, No. 1. Universiti Malaya,.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim et al. (2011). Dialog Antara Agama: Realiti dan Prospek Di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 29(2), 91-110.
- Shamsul Amri Baharuddin, (2011). *Kesepaduan dalam Kepelbagaian: Perpaduan Malaysia sebagai Work in Progress*. Bangi: Penerbit UKM.
- Pejabat Perdana Menteri (2021). *Keluarga Malaysia*. [https://www.pmo.gov.my/keluarga -malaysia-2/](https://www.pmo.gov.my/keluarga-malaysia-2/)
- Department of Statistics Malaysia (2021). Population Clock. Diakses pada 2021, Disember 9 daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php>.